

Cari untung melalui nilai semula aset

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menegur kegiatan-kegiatan oleh golongan tertentu yang mencari keuntungan melalui pemilikan syarikat awam untuk memasukkan asetnya kemudian dinilai semula dan bergabung dengan syarikat-syarikat lain.

"Kebanyakan kes seperti itu tidak menghasilkan urusniaga sebenar kerana tidak ada sebarang pertambahan kepada daya pengeluaran atau pembuatan, jualan atau eksport dalam kegiatan itu.

"Apa yang berlaku ialah asetnya dinilai semula tetapi aset itu tetap kekal di situ seperti sediakala. Mereka mencari keuntungan melalui penilaian semula dan keuntungan modal.

"Kesannya, orang ramai terbawa-bawa oleh peningkatan nilai saham-sahamnya," kata Perdana Menteri di majlis makan malam tahunan Institut-Institusi Kewangan Malaysia di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kekayaan seperti itu bukanlah kekayaan sebenar.

"Kekayaan tidak boleh ditambah dengan menyebut satu sen sebagai satu ringgit. Begitu juga, jika nilai saham itu \$1 seunit, ia tetap bernilai \$1 seunit sekalipun harganya diletakkan pada \$10 seunit.

"Nilai saham hanya akan ditambah jika daya pengeluarannya ditingkatkan dan aset sebenar meningkat," tegas beliau.

Teguran Datuk Seri Dr Mahathir, walaupun tidak diberikan contoh konkrit, tetapi ditujukan kepada kegiatan-kegiatan golongan tertentu sejak kebelakangan ini yang mengambil alih syarikat awam, memasukkan asetnya dan menilai semula bagi menambahkan nilai dan keuntungan modal tanpa urusniaga sebenar.

Menurut beliau, kekayaan Malaysia mewujudkan sebilangan jutawan yang mencapai matlamatnya melalui usaha sendiri.

Tetapi ini memberi pengaruh sehingga ada yang

tidak mempunyai satu sen pun mula berangan-angan menjadi jutawan dalam sekelip mata tanpa menjalankan sebarang usaha. Keadaan ini adalah tidak sihat," tambah beliau.

Perdana Menteri juga membidas setengah rakyat yang bersikap pesimis sebagai "katak di bawah tempurung" kerana bersuara lantang apabila mereka menyangka hari akan menjadi gelap.

"Orang-orang ini terlupa Malaysia tetap cerah walaupun ekonomi dunia menghadapi kemelesetan. Kadar pertumbuhan ekonomi negara tetap kekal dalam lingkungan lima peratus se-

tahun."

Sambil menjelaskan inflasi di negara ini merosot ke paras negatif, Perdana Menteri berkata, kerajaan menjalankan pelbagai strategi untuk memperbaiki keadaan bagi kepentingan rakyat.

Antaranya ialah mengurangkan kadar cukai pendapatan, pengurangan kadar tarif elektrik dan lain-lain untuk meningkatkan pengeluaran dan memperbaiki pelaburan asing di negara ini.

"Kerajaan juga mengurangkan kadar asas faedah pinjaman, mengurangkan perbelanjaan sektor awam, memasukkan \$1,000 juta ke pasaran modal dengan kadar faedah rendah bagi

membantu sektor-sektor utama.

Beliau kesal kerana sektor perindustrian enggan meningkatkan teknologinya untuk mengurangkan pembaziran. Kebanyakannya tidak berusaha bersungguh-sungguh sebaliknya mengharapkan subsidi dan perlindungan tarif dari kerajaan.

Katanya, kerajaan tidak bercadang memberi terus perlindungan itu tetapi mahu melihat adanya usaha dijalankan secara bersungguh-sungguh untuk meningkatkan daya pengeluaran dan memperbaiki mutunya serta kecekapan pengurusan corak Malaysia.

20 AUG 1985